

Bahagian Gelap Adat Perpatih Dalam *Jejak Pulang*

Oleh Rosnah Baharudin

PERSOALAN berkaitan dengan adat dapat dikatakan sebagai tema yang paling banyak digarap oleh pengarang-pengarang Tanah Melayu sekitar tahun-tahun 1920-40-an, terutama di kalangan guru yang telah terdedah kepada novel-novel Balai Pustaka. Penggarapan tema ini bukan sahaja kerana keinginan "meniru" pengarang-pengarang Balai Pustaka itu tetapi kerana persoalan adat memang hadir dalam masyarakat Melayu waktu itu malah masih berlangsung hingga kini. Tetapi daripada kajian yang telah dilakukan, kelihatan belum ada seorang pun pengarang kita yang dapat menulis persoalan adat khususnya Adat Perpatih sejelas yang dapat dibentangkan dalam novel *Jejak Pulang* karya Dharmala N.S. Masalah sosial yang timbul dalam lingkungan adat ini telah diteropong dengan jelas oleh pengarangnya terutama yang menyangkut nasib watak-watak wanita. Menerusi novel ini pengarang seolah-olah cuba menunjukkan ketidakmampuan wanita-wanita itu menghadapi hidup merupakan hasil asuhan yang diterima dan yang sangat akur pada nilai masyarakat keliling.

Menanggapi masalah ini menurut Kate Millet dalam bukunya yang terkenal *Sexual Politics* (1970) didorong oleh kecenderungan kepada ketergantungan wanita yang berlebihan kepada lelaki adalah hasil proses sosialisasi yang panjang yang dialami oleh wanita semurur hidupnya. Sedari kecil anak perempuan dan lelaki mengalami latihan dan kebiasaan yang dipraktikkan di dalam masyarakat yang akhirnya membentuk persepsi dan cara berfikir mereka (lihat bab I buku itu).

Adat Perpatih sering ditunjuk sebagai adat yang memberi perhatian berat kepada wanita, terutama dalam soal



Dharmala N.S.

pewarisan harta pusaka dan "penjagaan" atau pengawasan "Waris Berkedim". Dua perkara inilah yang merupakan antara inti persoalan yang dibentangkan dalam novel ini dan merupakan tumpuan tulisan ini seterusnya. Sebagai pengarang, Dharmala N.S. tersangat peka terhadap kesan Adat Perpatih khususnya terhadap dua perkara yang disebutkan di atas kepada wanita. Beliau sendiri dilahir dan dibesarkan di desa terpencil Bacang Manting yang dikatakan sebagai kampung "sesudut dapur" yang menjadi latar tempat *Jejak Pulang* (1988). Novel ini pertama kali diterbitkan dalam tahun 1979 setelah memenangi tempat ketiga dalam peraduan Menulis Novel Gapena — Yayasan Sabah 1976. Sebagai sebuah desa kecil dan terpencil penghuninya digambar-

kan masih berpegang teguh pada adat warisan turun-temurun ini.

Dasar yang menunjangi pewarisan harta pusaka kepada anak perempuan ialah kerana wanita itu makhluk yang lemah dan memerlukan perlindungan dan jaminan hidup. Jaminan begini diperlukan kerana sebagai wanita, mereka tidak diharapkan menjadi pencari rezeki sebaliknya bergantung kepada suami atau ahli keluarga lelaki. Atas alasan yang sama juga semua wanita secara automatik menjadi tanggungjawab bapa saudara atau sepupu lelaki di sebelah ibu yang dikenali sebagai "waris berkedim". Di atas bahu "waris berkedim" ini terletak tugas melindungi dan mengambil berat hal-ehwal kebajikan "anak buah" atau ahli keluarga (di sini sepupu dan anak saudara perempuan) seperti dinyatakan pengarang dalam novel ini.

"anak buah mesti dijaga, dipelihara, cicir dipungut, hilang dicari. Kok jumpa jejak, bawa pulang, kok jumpa bayang jangan dibiarkan hilang."
(hlm 85)

Daripada petikan di atas pengarang menjelaskan peri pentingnya peranan lelaki sebagai abang, atau sebagai "waris berkedim" dalam keluarga atau suku untuk menjamin kebajikan kaum wanita juga penjagaan harta pusaka. Di sini juga menunjukkan kedudukan dan peranan bapa dalam keluarga tidak sepenting bapa saudara atau sepupu lelaki itu. Namun demikian malapetaka akan menimpa kaum wanita jika "waris berkedim" ini mengingkari tanggungjawab mereka seperti yang ingin ditunjukkan oleh novel ini.

Pentingnya peranan lelaki dalam keluarga atau dalam suku dan akibat daripada pengabaian kebajikan kaum

wanita merupakan antara tema yang digarap dalam novel ini yang terjalin dengan licin di dalam plot cerita. Walaupun kebajikan kaum wanita telah dijamin dalam Adat Perpatih, tetapi kerana keterikatan nasib mereka pada orang lain boleh menyebabkan wanita terdedah kepada penderitaan mental dan material yang berpanjangan. Kaum wanita diharapkan mematuhi penguasaan lelaki (male authority) kerana tugas dan peranan lelaki sebagai pencari rezeki, pembela maruah wanita dalam keluarga dan masyarakat desa amnya. Ketiadaan lelaki dalam keluarga terutama sebagai abang, "waris berkedim" atau sebagai bapa atau suami merupakan salah satu fakta penyumbang kepada terbiarnya hidup dan kebajikan wanita yang secara tradisinya terasuh untuk bergantung kepada lelaki sepenuhnya.

Plot cerita bermula dengan Kosai yang telah lama gila akibat kematian Jakin, anak lelaki kesayangannya dan Rokiah, isterinya. Kosai dengan anak-anaknya Bedah dan Pesah serta cucu-cucunya yang hidup dalam kemiskinan itu "dipulaukan" oleh orang kampung yang benci dengan sikap Rokiah ketika hidupnya. Rokiah dikatakan sering mencari kekerasan dalam masyarakat kampungnya. Sikap membenci kepada Rokiah dan seterusnya memulaukan keluarganya menunjukkan kesepakatan orang-orang kampung itu dari segi nilai negatif wanita.

Penderitaan mereka berlanjutan apabila Kudin, "waris berkedim" mereka yang juga sepupu arwah ibu mereka, melarang Pesah dan Bedah mengerjakan tanah pusaka mereka kerana curiga kepada Lajis, suami Pesah akan monopoli penghasilan tanah itu. Kecurigaannya terhadap Lajis menyebabkan Kudin rela melihat sawah pusaka itu tinggal terbiar daripada dikerjakan oleh kedua beradik itu. Penderitaan Bedah dan Pesah semakin mendalam kerana dalam keluarga mereka tidak ada seorang lelaki pun yang dapat membela mereka; Kosai, bapa mereka gila, Jakin, abang mereka (yang dituduh komunis oleh orang-orang kampung) dan Taha, suami Bedah telah meninggal dunia. Wak Koren, seorang lagi "waris berkedim" mereka turut membenci keluarga ini. Tidak ada siapa yang "menjejaki pulang"; memandu, melindungi, mengambil berat dan menolong mereka supaya dapat mengerjakan tanah pusaka itu. Nasib mereka dijelaskan dalam petikan ini:

"Kalau sudah jejak pulang tumpuan adat tidak ada, siapa pun berani buat

Bedah adalah watak tipikal wanita konvensional yang sering muncul dalam novel-novel desa Melayu yang sering digambarkan hidup dalam kemiskinan tetapi berusaha keras untuk menghidupkan ahli keluarga... Hidup Bedah mula menderita setelah kematian Taha, suaminya, seorang askar

sesuka hati langgar bahasa."
(hlm 151)

Melalui petikan ini secara langsung pengarang cuba menunjukkan kepentingan kedudukan lelaki dalam rumah-tangga, suatu fakta yang difahami dan diterima sebulat hati oleh kedua-dua wanita ini.

Terdapat beberapa faktor lain lagi yang menunjukkan "kerapuhan" nasib wanita. Antaranya ialah melalui asuhan dan sosialisasi yang mereka terima. Mereka digambarkan tidak pernah diasuh untuk berdikari dan cekap mengurus tanah pusaka mereka sebaliknya mereka diasuh untuk tidak mencabar kebiasaan dan norma masyarakat melainkan sebagai pembantu. Pada satu segi yang lain, mereka diharapkan berkemampuan bekerja di sawah. Selalunya golongan wanitalah yang mewarisi tanah sawah yang selalunya menguruskan proses mengubah, merumput, menuai, mengangin dan menumbuk.

Tema yang digarap dalam novel ini akan lebih jelas jika diteliti nasib yang dialami oleh Bedah dan Pesah, dua watak penting novel ini.

Bedah digambarkan sebagai janda miskin yang mengetuai rumah-tangga, mempunyai tiga orang anak, dua perempuan; Lijah dan Siah yang tidak pernah menjejaki bangku sekolah dan Katib yang masih bersekolah rendah. Kemiskinan ekonomi, tugas keluarga yang berat (Kosai tinggal bersama keluarga Bedah), adat dan nilai tradisi

yang melingkungi hidupnya memper-sulit perjalanan hidup Bedah. Faktor-faktor ini menyebabkan dia muncul sebagai wanita yang lemah, menyerah dan bergantung kepada orang lain.

Bedah adalah watak tipikal wanita konvensional yang sering muncul dalam novel-novel desa Melayu yang sering digambarkan hidup dalam kemiskinan tetapi berusaha keras untuk menghidupkan ahli keluarga.

Hidup Bedah mula menderita setelah kematian Taha, suaminya, seorang askar. Bedah tidak dapat melepaskan diri daripada pergantungan psikologi kepada arwah suaminya dan autoriti lelaki seperti yang termaktub dalam Adat Perpatih. Semasa hidupnya, Taha memberi perlindungan sepenuhnya kepada Bedah dengan tidak membenarkan Bedah bekerja di sawah padi. Tugas Bedah hanya mengurus rumah-tangga dan anak-anak. Tetapi sebagai isteri yang baik, Bedah pergi juga memotong getah untuk menambah pendapatan keluarga. Ciri ini difahami Bedah seperti berulang-ulang kali disebut oleh pengarang "bini wajib bantu laki" (hlm 22, 131, 136).

Malah dengan tujuan untuk memberi Bedah jaminan kewangan setiap bulan, Taha meninggalkan kerja kampung untuk bekerja sebagai askar. Kematian Taha adalah satu pukulan yang hebat ke atas Bedah kerana dia tidak dapat melepaskan diri daripada pergantungan psikologi terhadap suaminya Taha. Padanya kematian Taha seolah-olah kematian bagi ahli keluarga yang lain. Keadaan ini terjadi kerana Bedah menyedari, jika Taha masih hidup, mereka tidak akan melarat seperti tercermin dalam pendapat Bedah di bawah:

"Maupun Lijah, maupun Siah, maupun Katib, tentu tidak susah-susah tumbuk padi kalau lakinya Taha masih hidup. Dia juga tentu tidak susah-susah basuh baju Lim Fong kalau Taha masih hidup." (hlm 9)

Kematian Taha menyebabkan Bedah terpaksa menjadi ketua dan pencari rezeki rumah-tangga. Bedah menanam padi di tanah yang disewa, mengambil upah membuat kerja sampingan seperti menganyam tikar dan membasuh kain baju Lim Fong, keluarga Cina di kampung itu. Kedudukan Bedah sebagai ketua rumah-tangga ialah satu fenomena yang menunjukkan ciri kemiskinan atau tidak bernasib baik (Kate Milleit, *Sexual Politics*, hlm 33).

Jika dilihat kedudukan Bedah sebagai seorang individu pula, dia patuh (con-

firms) kepada harapan masyarakat; menyayangi dan mendidik kedua anak perempuannya untuk menjadi bakal suri rumahtangga yang baik. Kedua-dua gadis itu sangat mahir mengurus rumahtangga. Mereka berdua tidak pernah menjejak bangku sekolah. Hanya Katib yang dihantar ke sekolah bagi memenuhi kehendak arwah suaminya supaya Katib berjaya dalam pelajaran dan akan membela hidup mereka sekeluarga kelak. Sekali lagi persepsi Bedah terhadap kepentingan lelaki dalam keluarga sangat jelas. Kedua anak gadisnya tidak disekolahkan kerana Bedah menerima sepenuhnya peranan wanita sekadar "kain putih" (hlm 153) yang menanti dicorakkan oleh masyarakat.

Persepsi terhadap hidup yang sedemikian menjadikan Bedah seorang wanita pasif. Walaupun Bedah mempunyai hak sepenuhnya ke atas tanah itu, dia tidak berani langsung mencabar keputusan Kudin, sebaliknya mengerjakan sawah pada tanah yang disewanya. Sikap Bedah dalam masalah itu dapat dilihat daripada petikan di bawah:

"Bedah tidak peduli sangat tentang tanah pusaka. Kalau Kudin tidak benarkan duduk di tapak rumah peninggalan emaknya, dia akan pindah. Tidak ikut cakap "waris berkedim" samalah macam menentang adat turun-temurun." (hlm 15)

Bedah akur dengan keputusan Kudin walaupun tanah warisan mereka itu akhirnya terbiar dan dia kehilangan sumber pendapatan yang sah. Dia juga seolah-olah bersetuju dengan keputusan Kudin tidak membenarkan Pesah mengerjakan sawah pusaka itu.

Dalam satu peristiwa lain, Bedah telah menyerahkan sepenuh nasibnya kepada Datuk Mangku Ulup; orang terkaya, penghulu dan "Tua Waris" desa itu untuk membuat keputusan penting terhadap hidup mati anaknya, Siah yang sedang menderita akibat dipatuk ular berbisa. Waktu berdepan saat genting ini perasaan Bedah digambarkan dengan begitu jelas oleh pengarangnya:

"Air mata Bedah makin banyak meleleh ke pipi. Dia ikut saja kemahuan Datuk Mangku Ulup. Orang tua itulah tempat dia bergantung segalanya. Kalau mahu hantar Siah ke hospital dia tidak bantah. Mahu dipanggil Alang Sutan (bomoh kampung itu) dia tidak bantah. Biarlah semuanya terserah bulat-bulat kepada Datuk Mangku Ulup." (hlm 70)

Selepas kematian Siah, sifat ketergantungan Bedah kepada orang lain untuk membuat keputusan terlihat juga dalam perkara menghantar Kosai berubat ke hospital. Waktu menghadapi masalah ini, pengarang menunjukkan Bedah tidak dapat menerima nasihat itu kerana dua sebab: pertama kesulitan kewangan, kedua dia tidak berdaya menentang nilai tradisi. Dia juga tidak mahu dituduh sebagai anak yang tidak mengenang jasa kerana menghantar bapanya ke hospital. Bedah mengambil sikap begini kerana dia sedar pada pendapat orang-orang kampung terhadap hospital sebagai tempat bagi "orang yang tidak ada suku waris, tak ada anak pinak" (hlm 36), atau tidak ada sesiapa yang dapat menjaganya. Sebagai wanita tradisi desa, Bedah sangat mementingkan pendapat orang lain. Namun demikian, di akhir cerita, Bedah terpaksa akur kepada kehendak masyarakat desa apabila Wak Koren, salah seorang "waris berkedim"nya yang selama ini tidak menghiraukan nasib Bedah kerana kelakuan Rokiah yang menyentuh hatinya bertukar sikap. Wak Koren akhirnya sedar tanggungjawabnya dan mengasihani Bedah sekeluarga selepas kematian Siah. Kosai akhirnya dihantar ke hospital gila.

Pesah setia dan jujur pada suaminya seorang buruh binaan yang hanya mampu menyewa rumah setinggan di Kuala Lumpur. Tetapi Lajis seorang lelaki yang tidak jujur; mengahwini Pesah kerana harta pusakanya sahaja. Semenjak Pesah dilarang mengerjakan sawah pusakanya, Lajis telah merendahkan maruah Pesah dengan memaksanya melacurkan diri

Setelah mengkaji Bedah, kita melihat pula nasib watak Pesah. Melalui kesengsaraan dan penderitaan hidup Pesah, pengarang seolah-olah menyatakan bahawa hanya dengan bebas dari adat dan mempunyai sumber kewangan sendiri akan membolehkan Pesah mencorakkan hidup yang lebih bahagia dan bebas.

Pesah digambarkan mempunyai sikap yang sangat bertentangan dengan Bedah. Sebagai contoh mengenai persengketaan tanah pusaka itu: Pesah lebih tegas dan berani mencabar Kudin untuk menyelesaikan persoalan itu dengan pertolongan peguam. Tetapi sayangnya rancangannya tergendala apabila dia terjerumus dalam situasi perkahwinan yang tidak pernah diduga-nya.

Pesah lebih jelita dari Bedah, dianggap bertuah kerana berkahwin dengan Lajis yang bekerja di bandar dan seterusnya berpindah ke bandar dan meninggalkan kampungnya yang mundur itu. Bekerja dan hidup di kota besar pada pendapat orang-orang kampungnya dapat menjamin kebahagiaan. Tekanan dan kekangan sosial di bandar juga tidak seberat di kampung.

Pesah setia dan jujur pada suaminya seorang buruh binaan yang hanya mampu menyewa rumah setinggan di Kuala Lumpur. Tetapi Lajis seorang lelaki yang tidak jujur; mengahwini Pesah kerana harta pusakanya sahaja. Semenjak Pesah dilarang mengerjakan sawah pusakanya, Lajis telah merendahkan maruah Pesah dengan memaksanya melacurkan diri. Lajis melayan isterinya seperti "barang tidak berguna" (hlm 128). Selain itu Lajis sering menyiksa dan memukul Pesah. Walaupun Pesah dikasihani jiran-jirannya tapi mereka tidak berdaya membantunya kerana takutkan Lajis. Malah Lajis menghina Pesah sebagai keturunan orang gila, komunis dan mendakwa tidak ada lelaki lain yang ingin mengahwini Pesah melainkan dia. Pengarang menggambarkan kedudukan Pesah sebagai seorang wanita yang tidak berdaya berbuat apa-apa seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

"Pesah tanggung semuanya dalam perasaan yang terhimpit. Dia benar-benar tersepit di celah keadaan yang tidak pernah diharapkan." (hlm 33)

Faktor yang lebih parah ialah Pesah jahil tentang haknya sebagai isteri. Faktor ini menyebabkan penderitaannya lebih teruk. Kejahilannya ini sebe-

narnya berpunca dari asuhan tradisi yang diterimanya. Pesah berpegang kuat kepada pendapat guru agamanya di Bacang Manting; Lebai Manaf yang pernah mengatakan, "isteri yang derhaka kepada suami tidak akan mencium bau syurga" (hlm 114). Pesah tidak faham dengan tugas isteri. Tetapi dia takut mengadu di kampung kerana bimbang Lajis akan menyebarkan berita penglibatannya dalam pelacuran. Pesah akhirnya terbenam dalam kesengsaraan mental dan fizikal yang tidak pernah dibayangkannya.

Pesah terpenjara dalam adat, nilai tradisi dan bergelut dengan konflik dalam diri. Hidupnya dibayangi oleh persepsinya mengenai tugasnya sebagai seorang isteri. Pengetahuannya yang cetek tentang hak isteri dalam Islam tidak membolehkannya menentang kezaliman Lajis. Dalam menghadapi kemelut itu pengarang menunjukkan hanya "takdir" yang mampu melepaskan Pesah dari cengkaman besi Lajis. Lajis akhirnya cedera parah dan dirawat di hospital setelah terjatuh dari tingkat empat, tempat kerjanya. Akibatnya dia tempang seumur hidup. Kecacatan ini bermakna berakhirnya kekuasaan Lajis ke atas Pesah. Lajis menceraikan Pesah, setelah Pesah berkeras untuk meneruskan pekerjaan barunya sebagai pembantu rumah. Pekerjaan itu didapatinya ketika Lajis terlantar berbulan-bulan di hospital.

Sebagai janda, Pesah memilih cara hidup sendiri dan menolak untuk pulang ke Bacang Manting. Keputusan itu dibuat kerana padanya kampung dan Adat Perpatih adalah neraka kepada diri dan keluarganya.

Dalam suratnya kepada Bedah, dia mencurahkan kepahitan jiwanya di atas layanan pihak berkuasa adat malah menyeranah semua lelaki yang terlibat termasuk Datuk Mangku Ulup. Padanya Tua Waris itu tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah pewarisan tanah pusaka yang dihadapi oleh mereka dua beradik. Walaupun perkahwinannya gagal dan menjadi janda, Pesah berpuas hati. Keputusannya untuk tidak pulang ke kampung itu secara tidak langsung menunjukkan azam dan kesungguhannya untuk melepaskan diri dari adat dan nilai tradisi yang mengikat pergerakannya. Di sini pengarang memberi saranan: hanya dengan membebaskan diri daripada adat, Pesah akan bebas dan sekaligus dapat pula meninggikan maruahannya sebagai seorang wanita. Kebebasan dan kebolehnya untuk memilih cara hidup baru meru-


pakan jalan ke arah pemenuhan cita-cita diri seperti kata Ann Dally (1974) "choice means freedom from control by others" (hlm 15).

Keputusan Pesah itu secara tidak langsung seolah-olah mencerminkan persepsi Dharmala N.S. ke atas posisi wanita dalam Adat Perpatih. Melalui watak Pesah dan Bedah pengarang cuba menunjukkan bahawa di sebalik keunggulan peruntukan Adat Perpatih untuk melindungi wanita, kerana mereka makhluk yang lemah belum pasti dapat menjamin kebahagiaan hidup dua beradik itu.

Pada akhir cerita perbezaan nasib kedua beradik ini sangat ketara. Bedah yang buta huruf dan submisif terus menyerah pada adat, nilai tradisi dan kekuasaan lelaki. Keputusan Bedah untuk terus di kampung menunjukkan ketidakupayaannya. Dia tidak berdaya mengambil inisiatif dan terpaksa menanggung tindakan tidak adil orang lain ke atas dirinya. Perbezaan dalam menanggapi erti kebebasan hidup akhirnya memisahkan mereka berdua beradik ini: Bedah menetap di kampung dan Pesah membawa diri ke kota.

Melalui kedua-dua watak wanita ini pengarang seolah-olah menyatakan bahawa dengan memberi wanita hak mewarisi harta pusaka sahaja tidak memadai untuk menjamin kekukuhan ekonomi dan sosial mereka dalam masyarakat. Sebaliknya Ketua Adat mestilah bersifat adil, tegas dan bersungguh-sungguh membantu anak buah mereka. Waris berkedim pula mesti memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka. Dalam hal ini pengarang berkongsi pendapat dengan Pesah yang mencurahkan kemarahannya ke atas Tua Waris.

Pengarang bersimpati dengan nasib Bedah dan Pesah kerana mereka ini wanita-wanita yang setia, sabar dan rajin. Walaupun mereka digambarkan pasif tetapi kepasifan mereka adalah kesan daripada asuhan tradisi dan sosialisasi sewaktu mereka dibesarkan termasuk pengajaran agama yang tidak seimbang dan kesempitan pandangan hidup komuniti kampung mereka. Secara jelas mereka adalah mangsa daripada aspek negatif tradisi adat. Hanya "takdir" yang dicipta oleh pengarang dapat menukar nasib mereka. Keputusan Pesah untuk memulakan hidup sendiri seolah-olah manifestasi dan kritik yang tersirat ke atas golongan pemimpin adat. Oleh kerana adat gagal memastikan kebahagiaan Pesah, wajarlah dia sendiri memilih arah hidupnya. ●



Jejak Pulang

6 Pengarang bersimpati dengan nasib Bedah dan Pesah kerana mereka ini wanita-wanita yang setia, sabar dan rajin. Walaupun mereka digambarkan pasif tetapi kepasifan mereka adalah kesan daripada asuhan tradisi dan sosialisasi sewaktu mereka dibesarkan termasuk pengajaran agama yang tidak seimbang dan kesempitan pandangan hidup komuniti kampung mereka. Secara jelas mereka adalah mangsa daripada aspek negatif tradisi adat 9